



LUMPUR KOLEKSI DIGITAL BERHAMA

“Kita memerlukan kerjasama semua pihak khususnya warga kota untuk menjadikan Kuala Lumpur bandar raya maju menjelang 2020 kerana ia adalah usaha bersama menjayakan visi itu”

Zulhasnan Rafique
Menteri Wilayah Persekutuan

“MD Adam Resources akan menanggung kos mendirikan kiosk di lokasi yang dikenal pasti sekitar Kuala Lumpur dan pusat riadah”

Muhammad Adam
Pengerusi MD Adam Resources Sdn Bhd.

ZULHASNAN dan Adam (kanan) meneliti reka bentuk kiosk makanan daripada MD Adam Resources Sdn Bhd.

Perkhidmatan lebih cekap, visi majukan warga kota

Penyertaan swasta tingkat imej bandar raya disambut baik

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus memberi penekanan kepada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan dari segi keberkesanan dan keseragaman sebagai salah satu cara merakyatkan kerajaan menerusi pihak berkuasa tempatan.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Zulhasnan berkata, sebagai penjawat kepada orang ramai yang asing, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan tidak dapat lari daripada tanggungjawab memastikan perkhid-

matan sentiasa cekap dan mera-pelanggan.

“Kita memerlukan kerjasama semua pihak khususnya warga kota untuk menjadikan Kuala Lumpur bandar raya maju menjelang 2020 kerana ia adalah usaha bersama menjayakan visi itu.

“Komitmen tinggi seluruh warga Wilayah Persekutuan pada 2009 akan menjadikan kita lebih maju dalam semua aspek supaya setanding bandar raya negara maju lain,” katanya selepas taklimat cadangan mendirikan kiosk makanan oleh MD Adam Resources Sdn Bhd, semalam.

Zulhasnan berkata, Wilayah Persekutuan unik kerana mem-

punyai tiga bandar raya berlainan dan konsep pengurusan yang perlu diguna pakai perlu menurus kepada keupayaan Pengurusan Bandar raya Moden.

Konsep pengurusan bandar raya moden merangkumi kecekapan pengurusan, pembabitian rakyat dalam perancangan dan pembangunan, tahap urus tadbir tinggi dan keutuhan pengurusan kewangan serta keupayaan menjaga sumber dan potensi dalam kawasan pentadbiran sesebuah bandar.

Justeru, pengurusan pengangkutan awam, banjir kilat, sisa pepejal, keselamatan, pemuliharaan alam sekitar, kawasan

hijau dan inisiatif mempromosi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan adalah penting bagi meletakkan tiga komponen Wilayah Persekutuan itu pada tahap sama dari segi kecekapan dan kualiti pengurusan.

Zulhasnan berkata, kementerian juga menyambut baik swasta membantu mempertingkatkan imej Kuala Lumpur termasuk usaha memperkenalkan konsep kiosk makanan yang cantik dan moden serta boleh menjadi daya tarikan untuk pelancongan.

Sementara itu, Pengerusi MD Adam Resources Sdn Bhd, Datuk Muhammad Adam gem-

bara kerana dapat memberi taklimat berhubung kiosk makanan kepada Zulhasnan yang sentiasa mengambil berat masa depan Kuala Lumpur dan penjaja.

“Kami akan membentangkan cadangan kepada DBKL dalam masa terdekat seperti dinasihatkan Menteri Wilayah Persekutuan. Beliau juga memberikan beberapa nasihat dan cadangan kepada kami.

“MD Adam Resources akan menanggung kos mendirikan kiosk dan cuma memerlukan kelulusan DBKL di lokasi yang dikenal pasti sekitar Kuala Lumpur termasuk pusat riadah,” katanya.